

17/10/2003

Pelan pulihkan maruah Islam

PUTRAJAYA: Ucapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menggesa negara Islam supaya bersatu, bertindak dalam satu nada serta mengetepikan perselisihan boleh dianggap sebagai pelan atau 'road map' untuk mengembalikan maruah Islam.

Pemimpin Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) juga menyifatkan ia sebagai pembuka mata dan harus dianggap sebagai seruan menyamakan ummah.

Mereka bersetuju bahawa ucapan Perdana Menteri, yang pertama sebagai Pengerusi OIC ke-10, amat wajar untuk direnungi kerana ia jelas menjurus kepada pembedahan kelemahan masyarakat Islam sejagat.

Menteri Luar Mesir, Ahmad Maher, berkata Dr Mahathir bukan saja membuat penilaian mendalam terhadap permasalahan yang dialami dunia Islam, malah turut menggariskan langkah yang perlu diambil bagi menanganinya.

"Dr Mahathir menjelaskan dengan panjang lebar mengenai program tindakan yang meluas dan amat penting. Saya harap negara Islam boleh mengikuti pelan ini. Ia adalah pelan yang amat baik," katanya.

Beliau mengulas ucapan pembukaan Sidang Kemuncak ke-10 OIC di Pusat Konvensyen Putrajaya (ICC) oleh Dr Mahathir semalam. Sidang berkenaan dihadiri 33 ketua negara anggota OIC dan jemputan khas, termasuk Presiden Russia, Vladimir Putin dan Filipina, Gloria Macapagal Arroyo.

Presiden Pakistan, Pervez Musharraf juga memuji pandangan dan saranan Dr Mahathir. "Hebat... ucapannya amat baik," katanya.

Duta Palestin ke Malaysia, Ahmad al-Farra, pula berkata, seperti pandangan Dr Mahathir, beliau bersetuju bahawa dunia menghormati hanya negara yang kuat dan berkuasa, manakala yang lemah tidak dipedulikan.

"Kami menyokong gesaan Dr Mahathir ke arah perpaduan ummah. Jika kita lemah, tiada siapa yang akan menghormati kita," katanya.

Beliau berkata, Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) hanya mahukan penyelesaian praktikal dan adil terhadap krisis berpanjangan Palestin-Israel, sama seperti yang disaran Dr Mahathir.

"Kami inginkan perdamaian. Kami menggesa semua pihak berkenaan untuk mewujudkan keamanan. Apa yang kami mahukan ialah satu penyelesaian praktikal yang munasabah dan adil untuk menyelesaikan konflik ini," katanya.

Dr Mahathir dalam ucapannya berkata, hanya dunia Islam yang bersatu dapat mematahkan ancaman dan serangan terhadap ummah.

Al-Farra bersetuju dengan Dr Mahathir bahawa negara Islam harus menggunakan kekayaan mereka untuk menunjukkan kekuatan kepada dunia dan memastikan pandangan mereka didengar.

Presiden Afghanistan, Hamid Karzai, berkata Dr Mahathir dengan jelas menyatakan mengenai keadaan sebenar yang dihadapi ummah.

Katanya, mesej yang disampaikan adalah 'pembuka mata' kepada ramai orang dan ia memang sepatut dilakukan pada sidang kemuncak seperti ini.

Sementara itu, Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang turut memuji ucapan Perdana Menteri tetapi menambah bahawa keberkesanan sidang itu masih menjadi tanda tanya.

"Kita perlu melihat apakah resolusi yang akan diluluskan. Negara-negara Islam harus belajar daripada cabaran yang dihadapi sekarang dan melakukan perubahan paradigma yang akan menjamin masa depan lebih baik bagi dunia Islam," katanya.